

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**KPM ZAHIRKAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MURID
YANG MENINGGAL DUNIA SEWAKTU PERTANDINGAN RAGBI,
KEBAJIKAN KELUARGA DIBERI PERHATIAN**

Kementerian Pendidikan (KPM) menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga murid yang meninggal dunia secara mengejut sewaktu perlawanan ragbi di Kejohanan Ragbi 7 Sepasukan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 di Ipoh, Perak pada Jumaat.

Allahyarham yang rebah ketika perlawanan telah diberi rawatan awal oleh pasukan perubatan bertugas sebelum dibawa ke hospital dan disahkan meninggal dunia.

KPM telah mengambil keputusan untuk membatalkan kejohanan yang berlangsung sehingga esok dan akan menjadualkannya semula pada tarikh baharu, sebagai menghormati pemergian Allahyarham.

Seluruh warga KPM mendoakan semoga roh Allahyarham ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman dan beramal soleh.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
4 OKTOBER 2025**